

PERKEMBANGAN PENGELUARAN GETAH DI NEGERI KEDAH, 1970-1990

***THE DEVELOPMENT OF RUBBER PRODUCTION IN THE STATE OF KEDAH,
1970-1990***

Nurul Husna Muhammad Yusoff*
Penyelidik bebas, MALAYSIA

Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli**
Norasmahani Hussain ***
Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA

Abstrak

Penyelidikan ini ingin melihat sejauh mana kejayaan Kerajaan Kedah dan Kerajaan Persekutuan dalam memperkasakan pengeluaran getah di Kedah dari tahun 1970 sehingga tahun 1990. Negeri Kedah dilihat telah menyahut seruan Kerajaan Persekutuan dalam usaha meningkatkan ekonomi negeri melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) melalui pengeluaran getah. Pelbagai perancangan dan pelaksanaan dalam meningkatkan pengeluaran getah di negeri ini dilihat telah dilaksanakan oleh pihak berwajib dengan harapan program ini dapat menggalakkan penyertaan penduduk di negeri Kedah secara aktif dalam aktiviti pengeluaran getah. Penyelidikan ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif serta menggunakan sepenuhnya kaedah penyelidikan sejarah. Sumber dan bahan yang dirujuk diperoleh dari Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Pejabat Menteri Besar Negeri Kedah dan Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh Malaysia. Hasil kajian mendapati pengeluaran getah di Kedah berkembang dengan pesat dari tahun 1970 sehingga tahun 1990 dan perkara ini boleh dilihat sebagai satu kejayaan kepada negeri Kedah. Malah pihak berwajib juga berjaya menggalakkan penglibatan penduduk dalam sektor ini. Secara jelas, penyelidikan ini menunjukkan bahawa *Kedah Rubber City* (KRC) yang merupakan Taman Perindustrian Getah pertama di negeri ini dan juga di Malaysia serta kini giat diusahakan oleh pihak berwajib dilihat mempunyai kaitan dengan jelas dengan perkembangan pengeluaran getah Kedah pada masa lampau.

Kata kunci: Getah, Kedah, Kerajaan Persekutuan, *Kedah Rubber City* (KRC), Malaysia

Abstract

This research would like to see to what extent the success of the Kedah Government and the Federal Government in strengthening rubber production in Kedah from 1970 to 1990. The State of Kedah is seen to have responded to the call of the Federal Government in an effort to improve the state's economy through the New Economic Policy (NEP) through rubber production. Various plans and implementations in increasing rubber production in Kedah are seen to have been implemented by the authorities with the hope that it can encourage the participation of local people in Kedah to get involved in rubber production activities. This research has applied qualitative and quantitative through the methodology of historical research methods. Resources and materials are obtained from the National Archives of Malaysia, National Archives of Malaysia Kedah/Perlis Branch, National Library of Malaysia, Kedah State Public Library, Kedah Chief Minister's Office, Public Institute of Higher Learning (IPTA) Libraries throughout Malaysia, and others. This study has found that rubber production

in Kedah grew rapidly from 1970 to 1990 and this can be seen as a success for the state of Kedah. Moreover, the authorities also have succeeded in encouraging the involvement of local people in this sector. Clearly, through this research, it shows that Kedah Rubber City (KRC) which is the first Rubber Industrial Park in Kedah and also in Malaysia and is currently manned actively by the authorities had contributed to the development of Kedah rubber production in the past.

Keywords: *Rubber, Kedah, Malaysia Government, Kedah Rubber City (KRC), Malaysia*

Pengenalan

Dasawarsa sekarang ini, negeri Kedah melalui kepimpinan beberapa Menteri Besar seperti Mukhriz Mahathir dan yang terbaharu Muhammad Sanusi Md Nor dilihat telah menerima banyak pelaburan yang diharapkan mampu untuk meningkat potensi negeri Kedah sebagai penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada Malaysia. *Kedah Rubber City (KRC)* yang mulanya dimulakan oleh Mukhriz Mahathir dan diteruskan kini oleh Kerajaan Kedah merupakan Taman Perindustrian Getah yang mesra alam yang pertama di Kedah di Malaysia. Keluasan kawasan KRC adalah seluas 1,244 ekar, di Ladang Bukit Ketapang, Kuala Nerang, Padang Terap, Kedah dibangunkan untuk mempercepatkan pembangunan industri getah Malaysia. Projek ini merupakan usaha sinergi yang disokong oleh Malaysia dan Thailand untuk merangsang pembangunan sosioekonomi antara kedua-dua buah negara. KRC secara jelas akan dibangunkan menjadi Koridor Getah yang akan menghubungkan pengeluar getah utama rantau ini dalam *the Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT)*. Melalui KRC, Tujuh (7) kluster utama ini telah dikenal pasti untuk dihasilkan ialah Produk Lateks, Produk Berkaitan, Tayar, Produk Getah Automotif, Produk Getah Kejuruteraan, Bahan Getah Termaju, Bioteknologi dan Perkhidmatan serta sokongan.¹

KRC juga dikatakan akan mengukuhkan rantaian nilai getah merentas segmen hulu, pertengahan dan hiliran dalam sub-rantau IMT-GT, yang akan membolehkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan menjadi lebih berdaya saing. Projek ini dijangka menyumbang RM14.7 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dan mewujudkan 15,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 15 tahun sebaik sahaja projek ini siap menjelang 2025.² Melalui situasi yang dinyatakan, dapat dilihat bahawa Kedah telah menjadi prospek kepada pembangunan industri getah negara dan dikatakan mampu untuk meningkatkan potensi negara dalam menjadi pengeluar getah utama di dunia. Hal ini turut dipersetujui oleh Mukhriz Mahathir yang menyatakan:

“Sebenarnya Malaysia paling ke depan dalam soal penyelidikan dan pembangunan (R&D) sektor getah dan kita ada banyak institusi pendidikan yang menumpukan bahan mentah yang ada iaitu getah.”³

Malah Perdana Menteri Malaysia ke-9, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang telah merasmikan KRC pada 7 Februari 2022 menyatakan:

“Kewujudan KRC juga mencerminkan momentum pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negeri Kedah yang akan dipacu sektor pertanian moden dan pintar serta pembuatan bernilai tinggi.”⁴

Namun begitu, pemilihan Kedah sebagai hab penyelidikan dan pengeluaran tanaman getah di Malaysia dan global dilihat tidak mengejutkan ekoran negeri ini berakar umbi dengan perkembangan masa lampau pengeluaran getah di Kedah. Selepas penubuhan Malaysia, kerajaan mula mengatur rancangan yang memberi tumpuan terhadap pembangunan ekonomi khususnya dalam sektor pertanian. Rancangan Malaysia Pertama dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di bawah Rancangan Malaysia Kedua pada era 1970-an telah memperlihatkan usaha awal kerajaan untuk meningkatkan penglibatan golongan bumiputera khususnya orang Melayu dalam pertanian komersial seperti getah. Justeru, kerajaan telah menubuhkan beberapa institusi awam pada tahun 1970-an misalnya RISDA, MARDEC dan RRIM yang berfungsi untuk menggalakkan penanaman getah di negeri-negeri yang terlibat. Umum mengetahui bahawa Kedah merupakan antara negeri pengeluar terbesar padi maka Kedah lebih sinonim dengan panggilan Negeri Jelapang Padi. Hakikatnya, Kedah juga merupakan negeri yang terawal terlibat dalam penanaman getah bahkan tanaman komersial seperti getah ini telah diusahakan secara meluas sehingga menjadi tunjang kekuatan eksport negara sekali gus mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di negeri tersebut. Sehubungan itu, penyelidikan ini ingin melihat sejauh mana kejayaan Kerajaan Kedah dan Kerajaan Persekutuan dalam memperkasakan pengeluaran getah di Kedah dari tahun 1970 sehingga tahun 1990. Penyelidikan ini dilihat mempunyai kepentingan tersendiri dalam menonjolkan perkembangan industri getah di negeri Kedah dari tahun 1970 sehingga tahun 1990 yang mempunyai kaitan yang jelas dalam penubuhan KRC pada masa kini. Penyelidikan ini boleh dijadikan rujukan dalam pemantapan dasar dan polisi berkaitan pembangunan industri getah Malaysia sekali gus dapat memberi nafas baharu dalam penyelidikan sejarah negara sekali gus dapat menonjolkan pengalaman sejarah dalam pemantapan polisi dan sektor ekonomi Malaysia pada masa kini.

Kajian Literatur

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, jelas menunjukkan bahawa kurangnya kajian yang membincangkan secara khusus perkembangan industri getah di Kedah antara tempoh 1970 hingga 1990. Kajian atau penulisan ilmiah kebanyakannya lebih tertumpu kepada sektor tanaman padi memandangkan Kedah sememangnya dipertanggungjawabkan sebagai negeri pengeluar makanan negara melalui penghasilan beras. Situasi ini dilihat telah mempengaruhi dan mewarnai penyelidikan berkaitan berkaitan negeri Kedah yang dilihat menjadikan penanaman padi sebagai subjek dalam mempengaruhi politik, ekonomi dan sosial penduduk sejak sekian lama. Diakui bahawa kajian yang menumpukan secara terperinci mengenai perkembangan tanaman getah merangkumi data-data kuantitatif dan kualitatif di negeri Kedah seiring dengan fasa pembangunan Malaysia juga sangat kurang diberikan tumpuan untuk dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Namun begitu masih terdapat beberapa penyelidikan terdahulu yang menyentuh tentang tanaman getah dan unsur-unsur lain secara tidak langsung dalam memperihalkan kepentingan tanaman getah di Tanah Melayu serta Malaysia yang mengkhususkan di negeri Kedah. Rozaini Ahmad dan Mohd Annas Shafiq Ayob (2021) misalnya menyimpulkan bahawa perkembangan penanaman getah di negeri Kedah dari tahun 1909 sehingga tahun 1941 telah dimonopoli oleh pemodal berbangsa Cina. Kajian tersebut telah memperlihatkan peranan penting oleh buruh Cina dan persatuan berbangsa Cina dalam memajukan sektor perladangan getah di negeri Kedah. Kesannya sehingga tahun 1930 keluasan ladang getah yang dimiliki oleh orang Cina di Kedah melebihi bangsa lain misalnya Melayu dan India.⁵ Perkara ini turut dipersetujui oleh Drabble (2011) yang menyatakan selain orang Eropah, orang Cina merupakan

bangsa teramai yang menguasai sektor perladangan getah yang wujud di Tanah Melayu berbanding orang Melayu dan India.⁶

Manakala Parameswari Krishnan (2014) juga menyatakan kebergantungan terhadap buruh India dalam perkembangan penanaman dan penghasilan getah di Tanah Melayu dari tahun 1900 sehingga tahun 1957 telah menyebabkan buruh India di Tanah Melayu termasuk di Kedah terperangkap dalam ketagihan todi.⁷ Perkara ini turut dipersetujui oleh Shemaala Mohan (2022) yang menyimpulkan bahawa penghijrahan dalaman masyarakat India di Kedah didorong oleh perkembangan penanaman getah di negeri Kedah.⁸ Perkara ini sekali gus telah menyebabkan buruh India di Kedah terdedah kepada masalah ketagihan todi ekoran masalah diskriminasi dan layan buruk daripada pihak British yang dihadapi oleh mereka. M. Utaman Raman dan Sivachandralingam Sundara Raja (2021) pula menyatakan dengan jelas berkaitan kejayaan ejen Kerajaan India dalam menyelesaikan isu dan kebajikan sosioekonomi buruh India di Tanah Melayu termasuk di negeri Kedah. Hal ini demikian kerana, buruh-buruh India yang terlibat dalam tanaman getah sebelumnya berhadapan masalah diskriminasi dan layanan buruk daripada pihak British dan juga para pemodal yang melabur dalam sektor perladangan getah ini. Sebaliknya Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor (2017) (2019) memperihalkan kepentingan bekalan air yang baik pada kurun ke-20 di negeri Kedah telah memberi kesan kepada perkembangan sektor pertanian termasuk pengeluaran padi, penternakan dan perladangan getah di negeri Kedah ekoran bekalan air ini digunakan untuk memenuhi kebajikan penduduk yang terlibat dalam sektor-sektor yang dinyatakan. Hal ini menjadikan penduduk-penduduk di Kedah yang terlibat dalam sektor yang dinyatakan kekal sihat kerana mereka memperoleh bekalan air yang terjamin dan bersih serta mengurangkan kos pentadbir British dalam penjagaan kesihatan di negeri berkenaan.⁹ Jinel Noin (2017) pula menyatakan pengeluaran getah di Sabah sebelum Perang Dunia Kedua dilihat turut menjadi antara bentuk ekonomi pilihan meskipun aspek ini kurang ditonjolkan melalui penyelidikan berkaitan perkembangan sosioekonomi di Sabah.¹⁰ Seterusnya Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor (2020) turut memperihalkan berkaitan kepentingan bekalan air bersih di negeri Kedah dari tahun 1957 sehingga 1990 adalah bertujuan untuk mengimbangi pelan-pelan ekonomi di negeri Kedah seperti pengeluaran padi, getah dan sektor industri di samping memenuhi keperluan domestik.¹¹ Manakala Rahman Md. Sail (1998) pula menyatakan RISDA memainkan peranan penting dalam usaha menaik taraf ekonomi golongan pekebun kecil di daerah Baling, Kedah. Hal ini dilihat melalui keberkesanan program-program yang dianjurkan oleh RISDA untuk pekebun-pekebun kecil di daerah berkenaan serta alternatif bantuan yang disediakan untuk memajukan golongan ini.¹²

Perkembangan Tanaman Getah di Kedah, 1970-1990

Kedah merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian utara semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan utara dan timur Thailand. Dari sudut keluasan tanah di negeri Kedah pula secara keseluruhannya merangkumi 9,213 kilometer persegi iaitu bersamaan 928,526 hektar dan hampir 464,744 hektar daripadanya merupakan kawasan yang diusahakan bagi pertanian getah dan padi sebagai tanaman utama.¹³ Selain itu, struktur tanah di Kedah mempunyai kelembapan yang tinggi dan disifatkan sebagai sangat menguntungkan serta sesuai untuk prospek penanaman getah. Situasi ini dibuktikan melalui penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia terhadap beberapa kawasan terpilih di Kedah misalnya Prang, Tandak, Bungor, Chuping, Tembaga dan Pokok Sena yang menunjukkan bahawa terdapatnya pembentukan ekstrak besi iaitu Oksida besi dan Oksida Hidrous yang berfungsi sebagai komponen penting dalam tanah tropika.¹⁴ Dalam erti kata lain, bentuk muka bumi dan

struktur tanah yang kaya dengan bahan mineral di negeri kedah menyebabkan negeri ini sesuai untuk menjalankan aktiviti penanaman getah sepanjang tahun.

Tambahan lagi, kesedaran akan kemakmuran dan pembangunan tanaman getah dalam kalangan penduduk di Kedah dilihat sudah bertapak sekian lama. Bahkan, dikatakan sebelum termeterainya perjanjian Anglo-Siam 1909 lagi, Kerajaan Kedah sudah cakna terhadap tanaman komersial getah sebagai tanaman yang mampu menghasilkan pendapatan sampingan selain padi dan ubi kayu.¹⁵ Menjelang tahun 1970 sehingga 1990, pembangunan ekonomi Malaysia berada di bawah Rancangan Malaysia Pertama sehingga Kelima. Kerajaan telah memperkenalkan satu program sosioekonomi yang dikenali sebagai DEB di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang mementingkan pertumbuhan ekonomi khususnya dalam sektor pertanian. Malah dalam tempoh 20 tahun itu juga kerajaan telah membuat penambahbaikan bagi memantapkan ekonomi negara.

Berdasarkan Statistik Laporan Perangkaan pada tahun 1970, jumlah keluasan tanah yang diperuntukkan untuk penanaman getah di negeri Kedah kurang daripada 100 ekar adalah seluas 153,310 ekar.¹⁶ Hal ini membuktikan bahawa, menjelang tahun 1970 pembukaan tanah untuk sektor pertanian getah di Kedah semakin bertambah dan dilakukan secara berperingkat. Selain itu, pada tahun 1970 juga tanaman getah di Kedah berjaya memproduksi hasil yang menguntungkan malah sepanjang tahun tersebut turut memperlihatkan kejayaan lain yang menjadi tunjang kepada perkembangan tanaman getah di Kedah untuk tahun-tahun berikutnya.

Jadual 1: Bilangan permohonan dan keluasan ditanam semula di bawah geran oleh pelbagai kaum, 1969

Kaum di Negeri Kedah	Bilangan	Ekar	Peratus
Melayu	10, 023	28,865 1/4	66.3%
Cina	3,120	14, 225 1/4	32.7%
Lain-lain	115	453 1/4	1.0%

Sumber: Statistik Laporan Perangkaan pada tahun 1970.

Jadual 2: Bilangan permohonan dan keluasan ditanam semula di bawah geran oleh pelbagai kaum, 1970

Kaum di Negeri Kedah	Bilangan	Ekar	Peratus
Melayu	10, 833	31, 334 1/4	54.3%
Cina	5, 256	25, 441 1/4	43.9%
Lain-lain	225	1012 3/4	1.8%

Sumber: Statistik Laporan Perangkaan pada tahun 1970

Jadual di atas menunjukkan jumlah permohonan dan keluasan untuk penanaman semula getah pada tahun 1969 dan 1970. Jadual di atas turut menunjukkan bahawa keluasan ekar untuk tanaman getah di Kedah mulai bertambah pada tahun 1970 menjangkau tahun-tahun sebelumnya. Bahkan, bilangan penglibatan orang Melayu dalam sektor pertanian getah juga semakin meningkat pada tahun 1970 sekali gus menunjukkan peratusan yang lebih tinggi berbanding kaum-kaum lain.

Seterusnya, perkembangan tanaman getah di Kedah menjelang tahun 1970 juga boleh dilihat melalui permintaan yang tinggi oleh syarikat persendirian yang berkeinginan membeli tanah di Kedah bagi mengusahakan tanaman getah. Sebagai contoh, berdasarkan surat daripada pengurus estet Tat Seng Chan iaitu individu yang mengusahakan syarikat persendirian di Bedong, Kedah, telah menunjukkan bahawa beliau telah membeli tanah sebanyak 77 relong di Sg. Toh Pawang, Mukim Gurun dan Mukim Sungai Petani untuk menghasilkan lebih banyak tanaman getah untuk dieksport ke luar negara.¹⁷ Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa meskipun kajian ini lebih memberi tumpuan terhadap penglibatan orang Melayu dalam sektor tanaman komersial getah, akan tetapi pengkaji juga melihat kepada perspektif yang lebih luas misalnya peristiwa-peristiwa penting yang menjadi pemangkin kepada perkembangan tanaman getah di Kedah mulai tahun 1970.

Pada tahun yang sama juga, Syarikat Lee Latex Bedong dan Ladang Getah Padang Meha, Kulim telah mengeksport sebanyak 71,985 gelen susu getah jenis (*Centrifuged Latex*) ke luar negara bagi memenuhi permintaan yang tinggi terhadap getah.¹⁸ Misalnya penggunaan semua jenis getah per kapita pada tahun 1970 oleh Amerika Syarikat adalah yang terbanyak iaitu sebanyak 27 lb, diikuti oleh Jepun sebanyak 20 lb dan China serta India masing-masing adalah ½ lb. Justeru, situasi ini membuktikan bahawa kekuatan ekonomi pertanian getah di negeri Kedah bukan sahaja terhad dalam persekitaran negeri sahaja bahkan negeri Kedah juga berjaya mengembangkan sektor pertanian getah dengan mengeksport getah ke luar negara.

Menerusi Rancangan Malaysia Kedua antara tahun 1971 sehingga 1975, perkembangan tanaman getah di negeri Kedah antara tempoh tersebut juga tidak kurang hebatnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, menjelang tahun 1971, Kedah telah berjaya menghasilkan sebanyak 145,000 tan getah untuk dieksport ke luar negara melalui perdagangan getah.¹⁹ Ekoran daripada permintaan yang tinggi terhadap semua jenis getah sama ada getah asli mahupun tiruan secara tidak langsung telah merencanakan lagi penanaman getah di negeri Kedah. Perkara ini adalah bertujuan untuk menampung permintaan dunia pada ketika itu sekali gus melahirkan pertumbuhan ekonomi yang mampan terhadap masa hadapan negeri Kedah. Permintaan getah yang tinggi oleh Bank Dunia, Kumpulan Pengkaji Getah Antarabangsa (IRSG), Pertubuhan Makanan Pertanian (FAO) dan Persidangan Perdagangan serta Pembangunan Persatuan Negara-negara (UNCTAD) telah menunjukkan peningkatan draf daripada 5.8 peratus kepada 6.4 peratus setahun.²⁰ Oleh sebab itu, tidak dapat disangkal lagi bahawa tanaman getah di negeri Kedah pada waktu itu sangat bernilai tinggi sehingga menjadikannya antara negeri yang mengeksport utama getah dalam memenuhi keperluan dan permintaan dunia. Perkara ini jelas dapat dilihat berdasarkan rekod penyata getah yang telah dieksport oleh syarikat getah di Kedah iaitu Lee Latex (Pte) Ltd. menerusi Pejabat Kastam dan Eksais diraja, Port Swettenham dari tahun 1971 sehingga 1973 seperti di bawah:²¹

Jadual 3: Penyata getah yang dieksport melalui Port Swettenham bagi bulan Disember

Lee Latex (Pte) Ltd.	1971	1972	1973
Paun	1941590	757278	1,398,934
Pikul	14,561.92	567959	1,049,200

Sumber: Kastam dan Eksais Diraja Malaysia Pelabuhan Klang, Selangor

Lee Latex (Pte) Ltd. merupakan sebuah perusahaan getah yang ditubuhkan pada 17 September 1957 di Bedong, Kedah namun masih tetap utuh sehingga kini. Berdasarkan jumlah paun getah yang telah dieksport oleh Lee Latex pada tahun 1971 sehingga 1973, telah menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang ketara pada tahun 1972. Penurunan dalam perusahaan getah ini turut dilaporkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Tan Siew Sin dalam Parlimen pada 8 Ogos 1972 apabila beliau menyatakan bahawa: "... harga getah menjelang 5 April 1972 telah merosot kepada paras yang paling rendah dalam tempoh 23 tahun perkembangannya di Malaysia."²²

Perkara ini menunjukkan bahawa keadaan ekonomi dunia sangat mempengaruhi kadar peningkatan dan penurunan komoditi getah termasuk di negeri Kedah. Justeru, perusahaan getah di Kedah turut menghadapi kemerosotan jumlah eksport pada tahun 1972. Walau bagaimanapun, eksport getah telah kembali meningkat pada tahun berikutnya. Pada pengamatan pengkaji, penubuhan pelbagai institusi awam menjelang tahun 1970-an yang bertujuan khas untuk menggalakkan penanaman getah secara besar-besaran turut mempengaruhi perkembangan tanaman getah di negeri Kedah. Misalnya, penubuhan RISDA pada tahun 1973 secara tidak langsung telah membuka satu lembaran baharu terhadap pembaharuan pertanian yang didasarkan daripada penyelidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, tanaman getah yang diusahakan di negeri Kedah sebelum ini belum ada pembaharuan dan masih menggunakan kaedah yang dipopularkan oleh orang-orang Eropah. Oleh sebab itu, melalui penubuhan RISDA yang bertanggungjawab terhadap penanaman semula dan penanaman baharu pokok getah secara dasarnya dapat memaksimumkan hasil yang lebih sistematik sekali gus mempengaruhi pertumbuhan KDNK negeri Kedah.

Berdasarkan perangkaan daripada ibu pejabat Rancangan Kemajuan Tanah telah menyatakan bahawa pengeluaran hasil getah selepas penubuhan RISDA adalah dianggarkan sebanyak 671,168 lbs yang jelas lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.²³ Seterusnya, pada tahun 1975, perkembangan tanaman getah berdasarkan peringkat-peringkat rancangan boleh dilihat berlaku di Felda Wilayah Utara misalnya di Lubuk Merbau, Sungai Tiang dan Bukit Tembaga yang bertempat di negeri Kedah.

Jadual 4: Laporan Suku Tahun Kedua 1975

Butir-butir Jumlah	Lubuk Merbau	Sungai Tiang	Bukit Tembaga
Ekar ditanam	5681.5	3363	1046
Ekar mengeluarkan hasil	2197	3363	1000
Bil Lot Peneroka	324	518	152
Sekerap sebenar lb. kering	66,661	60,437	39,756
Hasil seekar sebenar	424.10	267.7	3138
Pendapatan Bersih (peneroka)	245.85	492.53	213.05

Sumber: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Wilayah Utara, Ipoh, Perak

Berdasarkan laporan suku tahun kedua tahun 1975 bagi ketiga-tiga felda yang terdapat di negeri Kedah itu jelas menunjukkan bahawa tanaman komersial getah mampu memproduksi hasil yang memberansangkan. Malah, jumlah keluasan ekar tanah yang mengeluarkan hasil juga tidak jauh daripada jumlah ekar yang ditanam. Hal ini membuktikan bahawa tanaman getah yang diusahakan oleh para peneroka di Kedah adalah sangat sistematik dan berteraskan ilmu-ilmu baharu yang diterapkan oleh institusi-institusi awam berkaitan getah. Oleh sebab itu, tidak dapat disangkal lagi ketiga-tiga felda tersebut mampu menghasilkan komoditi getah sehingga mencecah puluhan ribu.²⁴ Pada tahun 1976 hingga 1980, Rancangan Malaysia Ketiga diperkenalkan dan pada tahun 1976 juga telah berlakunya musim kemarau yang berpanjangan. Akibat daripada keadaan kemarau yang berpanjangan secara tidak langsung telah menjejaskan pengeluaran getah pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun, harga getah di Kedah pada tahun 1976 adalah lebih tinggi berbanding tahun 1975 justeru tiada masalah yang berbangkit kerana harga getah telah bertambah baik.²⁵ Dari segi perangkaan keluasan tanaman getah mengikut jenis ladang pula menunjukkan bahawa terdapat empat jenis ladang iaitu ladang besar adalah seluas 205,077 ekar, ladang pekebun kecil ialah 232,151 ekar, LKTP (Felda) ialah 9699 ekar manakala Rancangan-rancangan negeri ialah 12,750 ekar pada tahun 1976. Situasi ini menunjukkan permulaan yang baik bagi perkembangan tanaman getah di Kedah menerusi tahun dalam Rancangan Malaysia Ketiga walaupun pada tahun pertamanya dilanda kemarau yang berpanjangan sehingga menjejaskan pengeluaran ekonomi pertanian getah di Kedah.

Seterusnya, menjelang tahun 1980 telah berlaku satu peristiwa penting berkaitan pertanian komersial getah iaitu Malaysia telah menandatangani dan mengesahkan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa di pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), New York yang diwakili oleh Menteri Perindustrian Malaysia, Datuk Paul Leong Khee Seong. Perjanjian tersebut bertujuan untuk memenuhi kepentingan ekonomi bagi kedua-dua negara pengeluar dan pengguna getah asli serta mengawal kestabilan pasaran getah asli. Justeru, keadaan tersebut turut mempengaruhi perkembangan sektor pertanian getah di Kedah kerana sememangnya dari awal negeri Kedah merupakan antara pengeksport ketiga terbesar daripada 1:1 milion tan seluruh Malaysia.²⁶ Pembangunan sektor pertanian getah di Kedah pada tahun 1980 telah dikawal selia sepenuhnya oleh pihak RISDA bahkan badan ini turut menjadikan perusahaan getah bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Menerusi angka-angka yang dibekalkan oleh Pejabat RISDA Kedah menunjukkan bahawa berlakunya pertambahan tanaman getah pada tahun 1980 malah keluasan ekar yang diluluskan adalah sebanyak 4,589.25 daripada jumlah keseluruhan 5,374.25 untuk semua jenis tanaman.²⁷ Benarlah bahawa, perkembangan tanaman getah di Kedah dari tahun 1970 hingga 1990 kekal berada pada hierarki yang tertinggi berbanding jenis tanaman lain seperti kelapa, kelapa sawit, padi, kopi dan sebagainya. Perkembangan tanaman getah di Kedah menjelang Rancangan Malaysia Keempat iaitu antara tahun 1981 hingga 1985 juga menunjukkan beberapa kemajuan.

Jadual 5: Jumlah Estet di Kedah Pada Tahun 1981

Kedah	Bilangan Estet-estet
Baling	45
Bandar Baharu	17
Kota Setar	20
Kuala Muda	129
Kubang Pasu	16
Kulim	55
Langkawi	1
Padang Terap	1
Sik	-
Yan	1
Jumlah	285

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual di atas menunjukkan bilangan estet yang terdapat di negeri Kedah. Jumlah estet di negeri Kedah berada pada kedudukan kedua tertinggi di seluruh Malaysia. Fakta ini dapat dirujuk melalui jumlah estet getah pada tahun 1981 di semenanjung Malaysia adalah berjumlah 1661 estet dan negeri Kedah memiliki 285 estet daripada keseluruhan estet tersebut.²⁸ Jumlah estet getah yang paling tinggi di Kedah terdapat di daerah Kuala Muda iaitu sebanyak 129 estet. Hal ini demikian kerana, semenjak dari awal perkembangan tanaman getah di Kedah, pemodal-pemodal asing khususnya Inggeris dan Cina lebih cenderung memilih kawasan di Kuala Muda berbanding kawasan lain yang masih kekal dan sesuai untuk penanaman padi sawah. Tambahan lagi, Sultan Abdul Hamid sendiri telah menjemput pegawai British untuk melihat dan memilih tanah-tanah di Lubuk Pusing di Kuala Muda yang bersesuaian dengan tanaman getah sekitar tahun 1893.²⁹ Melalui pembacaan dan analisis data yang terdapat dalam Buku Maklumat Perangkaan Getah Malaysia, pengkaji mendapati bahawa jumlah estet kepunyaan penduduk Malaysia yang terdapat di negeri Kedah pada tahun 1981 adalah sebanyak 267 estet manakala bukan penduduk Malaysia hanya 21 estet sahaja.³⁰ Keadaan ini telah menunjukkan peningkatan terhadap pemilikan sektor getah oleh penduduk setempat di negeri Kedah berbanding akhir 80-an dan awal 90-an.

Seterusnya, pada tahun 1985 jumlah estet di Kedah adalah sebanyak 273 estet dan bilangan ini menunjukkan berlaku sedikit penurunan berbanding tahun 1981. Pada peringkat ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat pertambahan satu lagi daerah di negeri Kedah yang memiliki estet getah iaitu daerah Pendang yang menyumbang sebanyak 20 estet. Perkembangan tanaman getah di daerah Pendang adalah disebabkan kerana kesuburan tanahnya yang mengandungi sumber mineral yang banyak serta kelembapan yang bersesuaian untuk prospek penanaman getah bahkan memperlihatkan ciri pedologi garisan batu dalam tanah.³¹ Pengeluaran getah di negeri Kedah pada tahun tersebut adalah sebanyak 89,508 tan. Walau bagaimanapun, negeri Kedah kekal berada pada kedudukan kedua tertinggi daripada seluruh negeri dari segi jumlah keluasan tanah yang ditanam dengan getah iaitu 18.2 peratus.³²

Perkembangan tanaman getah di Kedah menjelang era Rancangan Malaysia Kelima iaitu 1986 hingga 1990 memperlihatkan harga pasaran getah mengikut Standard Getah Malaysia (SMR) 20 meningkat kepada 207.64 sen per kilo pada Jun 1987 kepada 248.76 sen per kilo pada September 1987.³³ Situasi ini menunjukkan bahawa harga ini adalah merupakan paras harga getah paling tinggi pernah dicapai sepanjang tempoh tujuh tahun yang lalu. Berdasarkan laporan tahunan pertanian di negeri Kedah, kegunaan tanah untuk tanaman getah menjelang tahun 1988 sudah menjangkau 246,210 hektar bersamaan dengan 26.5 peratus lebih tinggi berbanding tanaman lain. Misalnya kawasan tanaman padi hanya 15.6 peratus, manakala kelapa sawit hanya 1.8 peratus. Keadaan ini menunjukkan bahawa meskipun tanaman getah dan padi merupakan tanaman utama bagi negeri Kedah akan tetapi berpandukan laporan tahunan pertanian jelas membuktikan bahawa tanaman getah lebih berkembang mendahului tanaman-tanaman lain. Tambahan lagi, kemajuan tanaman getah di negeri Kedah juga adalah disebabkan 245,981 hektar daripada keseluruhan keluasan tanaman getah di Kedah berada di bawah pengendalian RISDA.³⁴ Menjelang tahun 1990, purata harga bersih bagi sekilo susu getah ialah RM 1.84 dan getah sekerap ialah 0.87 sen. Peningkatan pengeluaran yang dilaksanakan pada tahun tersebut telah meningkatkan pengeluaran lateks berbanding getah sekerap. Justeru, peneroka yang mampu mengeluarkan 80 peratus lateks dan 20 peratus sekerap akan diberikan diskaun harga lateks oleh Perbadanan Getah Felda.³⁵

Strategi Dan Usaha Kerajaan Menggalakkan Penglibatan Penduduk Dalam Sektor Pertanian Getah Di Kedah, 1970-1990

Perkembangan tanaman getah telah memasyhurkan sektor ekonomi berasaskan pertanian di negeri Kedah antara tahun 1970 hingga 1990. Keadaan ekonomi menjadi semakin memberangsangkan apabila kerajaan sendiri telah menunjukkan tekad yang jitu menerusi Rancangan-rancangan Malaysia dalam usaha memiliknegerakan sektor pertanian getah yang sebelum itu dimonopoli oleh pemodal Eropah dan Cina. Hal ini dikatakan demikian kerana, kepesatan sektor komoditi getah di Kedah semenjak campur tangan British telah menarik pemodal-pemodal luar yang berbangsa Cina dan Eropah untuk melabur modal dalam sektor tersebut kerana dipercayai sektor getah mampu membuahkan hasil yang menguntungkan.

Secara dasarnya, pada era tersebut orang Melayu menunjukkan peratusan kemiskinan yang paling tinggi. Justeru, keadaan tersebut telah mendorong kepada satu usaha untuk mewujudkan peluang ekonomi khususnya kepada orang Melayu melalui satu rangkaian penyelesaian iaitu dengan menggalakkan penglibatan orang Melayu dalam sektor komoditi getah di negeri Kedah. Hal ini demikian kerana, pertanian komersial seperti getah boleh diklasifikasikan sebagai satu indikator yang merangsang pertumbuhan ekonomi mampan sepanjang zaman. Ditambah pula dengan iklim dan bentuk muka bumi negeri Kedah yang sesuai untuk penanaman getah secara tidak langsung dapat membantu menambah baik kepincangan ekonomi yang dihadapi oleh orang Melayu sebelum ini. Selain itu, pihak Kerajaan Negeri turut berperanan dalam menggalakkan orang Melayu agar terlibat dalam sektor pertanian di Kedah. Hal ini adalah disebabkan kerana sektor tersebut sudah berakar umbi di bumi Kedah sebelum kedatangan kuasa-kuasa luar lagi. Dalam erti kata lain, orang Melayu sudah terdedah dengan aktiviti pertanian seperti penanaman padi, ubi kayu dan sebagainya sejak dahulu kala lagi. Justeru, kerajaan mengambil inisiatif untuk memajukan taraf ekonomi orang Melayu dengan menggalakkan mereka terlibat dalam sektor pertanian yang lebih komersial seperti getah.

Jadual 6: Anggaran Penduduk Menurut Negeri dan Bangsa seperti pada tahun 1970

Melayu	Cina	India dan Pakistan	Lain-lain bangsa	Jumlah penduduk Negeri Kedah
682808	200109	93760	24697	1001,374

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Data dalam jadual di atas jelas menunjukkan bahawa majoriti penduduk yang terdapat di Kedah pada tahun 1970 adalah merupakan orang Melayu iaitu sebanyak 68,2808 orang penduduk.³⁶ Justeru, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan aktiviti ekonomi orang Melayu kerana majoriti mereka telah melibatkan diri dalam sektor pertanian seperti tanaman padi dan getah. Terdapat beberapa strategi dan usaha pihak Kerajaan Negeri yang dilihat telah berjaya menggalakkan penglibatan orang Melayu dalam sektor komoditi getah di negeri Kedah.

Perkembangan tanaman getah yang pesat di negeri Kedah menjelang tahun 1970 dapat dikaitkan dengan usaha pihak Kerajaan Negeri yang telah bersungguh-sungguh menggalakkan penglibatan orang Melayu dalam sektor tersebut melalui penubuhan persatuan yang menjaga kebajikan para pekebun kecil getah. Hal ini demikian kerana terdapatnya beberapa isu yang timbul dalam kalangan pekebun kecil getah dan peniaga tempatan. Misalnya segelintir peniaga getah bersikap tidak bertanggungjawab dan bertindak memanipulasikan timbangan berat getah yang dijual oleh pekebun-pekebun kecil. Tambahan pula, peniaga-peniaga getah yang berkuasa pada ketika itu bukanlah daripada kelompok orang Melayu. Maka atas sebab itulah mereka sewenang-wenangnya menganiyai kumpulan pekebun kecil yang berbangsa Melayu ini kerana pada dasarnya orang Melayu menghadapi krisis kemiskinan yang menyebabkan mereka sangat bergantung kepada peniaga tempatan berlainan bangsa atas dasar terhutang budi. Ekoran krisis tersebut, institusi awam berkaitan getah seperti kakitangan Khidmat Nasihat Pekebun Kecil Getah dan Institut Penyelidikan Getah Malaya telah memberi galakan kepada pekebun-pekebun kecil di Kampung Changkat, Kedah pada tahun 1967 supaya menubuhkan persatuan pemasaran secara langsung tanpa berunding dengan peniaga sebagai orang tengah. Bertitik tolak daripada peristiwa tersebut maka tertubuhnya sebuah Persatuan Pemasaran Pekebun Kecil Getah Negeri Kedah pada tahun 1970 yang berpusat di Jitra.³⁷ Persatuan ini berfungsi untuk mengumpul kepingan getah bagi ahli pekebun kecil yang berdaftar di bawahnya dari pelbagai cawangan, lalu memberikan gred berlandaskan piawaian persatuan dan seterusnya menjual kepingan getah tersebut berlandaskan terma yang munasabah bagi pihak ahli. Penubuhan persatuan tersebut telah berjaya menambah bilangannya dari semasa ke semasa terutamanya daripada kalangan orang Melayu. Hal ini demikian kerana, mereka percaya bahawa dengan tertubuhnya persatuan tersebut, peluang untuk lebih maju dalam sektor pertanian getah lebih terjamin serta bebas daripada isu manipulasi getah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Menjelang tahun 1979, pihak Kerajaan Negeri semakin giat dalam menggalakkan penglibatan orang Melayu dalam sektor tanaman getah di Kedah iaitu dengan mengadakan bancian bagi meninjau kedudukan sosio-ekonomi golongan miskin di daerah Sik di samping membantu menambah baik ekonomi mereka terutamanya bagi kelompok yang berpendapatan rendah. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kajian keberkesanan usaha-usaha pembangunan kerajaan ke atas kumpulan miskin pekebun kecil getah di negeri Kedah. Matlamat utama kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan usaha-usaha pembangunan kerajaan terhadap kumpulan

miskin khususnya golongan pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan dan pekebun-pekebun kecil yang sejajar dengan rancangan-rancangan Malaysia iaitu menambahbaik sektor pertanian serta membasmi kemiskinan dalam kalangan orang Melayu. Berdasarkan kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa daerah Sik mempunyai kadar peratusan kemiskinan yang tertinggi dalam kalangan pekebun kecil getah berbangsa Melayu.

Melalui bancian dan tinjauan yang diadakan, secara tidak langsung telah menyedarkan orang ramai bahawa kerajaan sangat mementingkan rakyatnya terutama dalam misi menghapuskan peratus kemiskinan dalam kalangan orang Melayu. Oleh sebab itu, usaha yang dijalankan oleh kerajaan dilihat sangat memberangsangkan kerana terdapat wakil-wakil yang sanggup turun padang membuat bancian dan tinjauan supaya tiada daripada kalangan pekebun kecil getah yang tercicir daripada pemantauan mereka. Berdasarkan surat daripada Taalat Bin Haji Husain dari Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Kerajaan Negeri telah membantu mendaftarkan bilangan pemilik untuk penanaman getah iaitu sebanyak 3,954 orang manakala keluasan tanah khas untuk mengusahakan tanaman getah yang didaftarkan pula adalah sebanyak 19,243 $\frac{1}{4}$ ekar untuk kumpulan pekebun kecil yang miskin.³⁸ Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa usaha keras yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri ini secara lahiriahnya telah menarik lebih ramai orang Melayu dalam sektor pertanian getah di Kedah kerana Kerajaan Negeri sangat menjaga kebajikan penduduk yang terlibat dalam sektor getah.

Menjelang tahun 1980, Jabatan Pertanian Negeri Kedah telah berjaya menjalankan satu program yang melibatkan aktiviti seperti mengedar risalah, menyediakan poster, menerbitkan berita pertanian dan memberi penerangan yang berkaitan dengan sektor pertanian di negeri Kedah kepada orang awam menerusi pameran yang diadakan di negeri tersebut. Usaha ini adalah bertujuan untuk menyemarakkan lagi semangat dalam kalangan para peladang dan pekebun kecil yang sedia ada di samping menarik orang awam khususnya daripada kalangan orang Melayu untuk menyertai sektor pertanian getah di negeri Kedah yang jelas dapat membantu memperbaiki taraf ekonomi mereka. Hakikatnya, pepatah “setiap usaha tidak pernah mengkhianati hasil” merupakan pepatah yang sangat relevan untuk menyimpulkan keberkesanan strategi dan usaha Kerajaan Negeri dalam menggalakkan penglibatan orang Melayu dalam sektor pertanian getah. Hal ini demikian kerana menerusi pameran Hari Peladang Kebangsaan yang bertempat di Tapak Pesta Alor Setar pada 14 hingga 16 Disember 1980 telah berjaya dihadiri oleh 30, 000 orang.³⁹

Pameran Hari Peladang Kebangsaan yang diadakan itu telah mendapat sambutan yang hangat daripada orang awam malah pendedahan tentang pertanian getah secara meluas telah berjaya menarik minat orang Melayu untuk terlibat dalam sektor tersebut. Tambahan lagi, pertanian getah di Kedah pada tahun tersebut berkembang begitu pesat ekoran daripada termeterainya Perjanjian Getah Asli Antarabangsa antara PBB dengan Malaysia yang memperuntukkan negeri Kedah antara pengeksport ketiga terbesar dunia. Justeru, adalah tidak dapat disangkal lagi dengan adanya usaha daripada Kerajaan Negeri dan diikuti pula dengan perkembangan tanaman getah di Kedah pada tahun 1980, secara tidak langsung telah menjadi batu loncatan kepada penglibatan orang Melayu secara besar-besaran dalam sektor pertanian getah.

Jadual 7: Kursus Tempatan (sehari) pada tahun 1980

Daerah	Tarikh	Kampung	Kehadiran Peserta
Langkawi	18.5.80	Kg. Kulim	70
	19.5.80	Kg. Bohor Darat	70
Kubang Pasu	17.3.80	Kg. Lembah Palas	50
	14.5.80	Kg. Bukit	50
Pendang	9.3.80	Kg. Becah	50
	13.5.80	Kg. Tok Dam	50
Kuala Muda	8.3.80	Kg. Sg Layar	50
	11.5.80	Merbok (Jld 4)	50
Sik	13.2.80	Kg. Namek	15
	18.2.80	Kg. Joget	45

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1980

Dalam tahun yang sama, Kerajaan negeri telah menganjurkan kursus tempatan secara percuma selama satu hari kepada orang awam yang tinggal di kampung-kampung dalam daerah di Kedah. Kursus yang dihadiri oleh para peserta ini walaupun mengambil tempoh hanya satu hari akan tetapi kursus ini sangat membantu dalam menambahkan pengetahuan tentang pertanian getah di negeri Kedah kepada orang Melayu sama ada lelaki mahupun wanita yang kurang berkemampuan. Kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian negeri Kedah adalah bertujuan untuk memberi latihan awal kepada penduduk kampung. Antara latihan yang diberikan adalah seperti penggunaan teknik-teknik pertanian yang baharu. Pihak Kerajaan Negeri berharap kursus ini dapat memantapkan sahsiah diri agar lebih produktif supaya dapat menjamin pengeluaran pertanian getah yang lebih tinggi dan bermutu.

Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri Kedah juga sangat komited dalam memastikan jumlah keterlibatan yang besar dalam kalangan orang Melayu dalam sektor pertanian getah. Maka atas sebab itulah pihak Jabatan Pertanian Negeri Kedah turut menganjurkan lawatan sambil belajar.⁴⁰ Lawatan ini adalah bertujuan untuk membawa para penduduk melawat dan menyaksikan dengan sendiri lokasi yang maju dalam sektor pertanian getah sama ada dalam negeri mahupun luar Kedah. Malah, lawatan ini juga bermatlamat untuk meningkatkan keyakinan dalam diri peladang mahupun pekebun kecil supaya mereka lebih berusaha dalam memajukan pertanian getah dalam negeri Kedah sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Pada tahun 1987, Jabatan Pertanian Negeri Kedah telah memainkan peranan penting dalam penganjuran program pembangunan yang memberi keutamaan kepada golongan belia tani. Program yang menyasarkan penglibatan belia dalam sektor pertanian ini adalah merupakan program yang diadakan dengan tujuan untuk melahirkan pelapis petani dalam kalangan belia supaya generasi muda meneruskan legasi pertanian bercorak komersial dan lebih bersedia untuk menerima sebarang perubahan teknologi dalam pertanian.⁴¹ Situasi ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri bukan sahaja menggalakkan penglibatan orang Melayu daripada kumpulan dewasa malah golongan belia juga mendapat perhatian Kerajaan Negeri supaya mereka turut terlibat dalam pertanian komersial getah sesuai dengan matlamat pembangunan Malaysia yang mementingkan sektor pertanian.

Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri Kedah juga sangat menitikberatkan program yang membentuk jati diri dan ciri-ciri kepimpinan dalam kalangan petani. Justeru, Kerajaan Negeri sangat menggalakkan penyertaan golongan belia yang melibatkan diri dalam sektor pertanian untuk terlibat dalam program pembentukan pemimpin masa hadapan agar golongan ini dapat dilatih supaya lebih bertanggungjawab dan berkemampuan menjalankan aktiviti pertanian secara berkelompok dan komersial. Hal ini demikian kerana, golongan belia merupakan jentera penting kepada pembangunan pertanian masa hadapan kerana mereka adalah pihak yang akan bertanggungjawab untuk membimbing belia tani yang lain dalam usaha mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara (DPN). Selain golongan belia, Jabatan Pertanian Negeri Kedah juga menumpukan perhatian terhadap mereka yang terlibat secara langsung dalam sektor tanaman getah dengan berusaha menyediakan kemudahan seperti memberi khidmat nasihat dan menyediakan input pertanian seperti anak benih, baja, pagar dan juga racun. Malah, RISDA juga bertanggungjawab memberi bantuan kewangan secara berperingkat melalui Program Tanam Semula sebagai alternatif untuk mengekalkan mereka dalam sektor pertanian getah.⁴²

Kemuncak kepada usaha dan strategi Kerajaan Negeri untuk menggalakkan lebih ramai penglibatan orang Melayu dalam sektor pertanian getah adalah dapat dilihat melalui sokongannya terhadap Kerajaan Persekutuan dalam menganjurkan pelbagai program pembangunan masyarakat iaitu program pembangunan Felda pada tahun 1990. Umum mengetahui bahawa, penubuhan Felda adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula struktur sosioekonomi luar bandar. Kebanyakan kawasan penanaman getah di negeri Kedah diusahakan di kawasan-kawasan luar bandar seperti Felda Sungai Tiang, Felda Bukit Tembaga dan Felda Lubuk Merbau yang melibatkan golongan miskin dan sederhana. Bahkan, ada dalam kalangan orang Melayu yang masih mengusahakan pertanian tradisional untuk meneruskan kelangsungan hidup walaupun sudah jelas sektor pertanian getah semakin berkembang menjelang tahun 1990. Situasi tersebut berlaku adalah disebabkan masih kurang pendedahan oleh segelintir masyarakat Melayu khususnya tentang kepentingan sektor komoditi getah. Oleh hal demikian, keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu program yang menarik lebih ramai penyertaan daripada kalangan orang Melayu untuk menyertai dan bersama-sama melibatkan diri dalam sektor tanaman komersial getah yang jelas menghasilkan pendapatan yang lebih menguntungkan berbanding tanaman lain pada ketika itu.

Program pembangunan Felda oleh Kerajaan Persekutuan adalah merangkumi aspek pembangunan manusia iaitu misalnya seperti memberi penekanan terhadap kepimpinan dan meningkatkan taraf sosioekonomi peneroka. Sebagai contoh, Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) akan kekal menjadi perunding antara peneroka dengan pihak pengurusan bagi rancangan-rancangan bawah 15 tahun dan yang belum menerima surat hak milik. Manakala bagi rancangan yang telah menerima surat hak milik pula akan diambil alih secara langsung oleh Pertubuhan Peneroka dan pihak ini akan menguruskan hal-hal pembangunan masyarakat dalam rancangan tersebut.⁴³ Pembangunan manusia yang menekankan aspek kepimpinan merupakan antara elemen terpenting dalam melahirkan peneroka yang mempunyai sahsiah diri yang tinggi, bertanggungjawab dan produktif. Justeru, dengan adanya program tersebut secara tidak langsung dapat melatih orang awam terutamanya orang Melayu melibatkan diri dalam sektor pertanian getah dengan jiwa yang lebih berintegriti dalam mengurus sektor pertanian dengan jayanya dan seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Selain itu, program pembangunan Felda juga merangkumi aspek pembangunan sosioekonomi. Dalam usaha membangunkan sosioekonomi kumpulan peneroka Felda di Kedah, rancangan Felda telah berusaha meningkatkan pengeluaran para pekerja bagi membantu kumpulan peneroka yang mempunyai purata bersih pendapatan kurang daripada RM 350 sebulan.⁴⁴ Sejalan dengan perkembangan tanaman getah di Kedah pada tahun 1990, institusi awam Felda turut menyediakan pelbagai fasiliti yang dapat menarik lebih ramai lagi daripada kalangan orang Melayu untuk terlibat dalam sektor pertanian getah. Misalnya bagi kumpulan peneroka dan tanggungan peneroka untuk rancangan getah, telah disediakan untuk mereka beberapa projek dan usaha sampingan yang memerlukan penglibatan mereka secara langsung.⁴⁵ Malah, bawah rancangan Felda juga telah disediakan Koperasi Permodalan Felda yang berfungsi sebagai sumber pelaburan untuk kaum wanita yang memperoleh pendapatan tambahan daripada projek sampingan. Perkara ini adalah bertujuan untuk menjamin kehidupan keluarga yang lebih sempurna dan kebajikan mereka juga lebih terjaga. Justeru, tidak hairanlah apabila menjelang tahun 1990, lebih ramai orang Melayu melibatkan diri dalam sektor pertanian getah memandangkan sektor ini menawarkan pelbagai manfaat yang dapat menjaga keharmonian sejagat.

Malah dengan adanya penglibatan secara keseluruhan bagi setiap keluarga, perkara ini secara asasnya dapat membantu meningkatkan pendapatan peneroka rancangan getah setiap bulan iaitu antara RM 150 hingga RM 250 mengikut jenis projek yang diusahakan. Sebagai contoh, strategi dan usaha kerajaan dari segi praktikalnya sedikit sebanyak dapat menggalakkan penglibatan kaum wanita dalam kerja-kerja pertanian di ladang untuk membantu suami mereka. Berdasarkan kajian, 75 peratus kaum wanita dalam rancangan getah telah membantu suami mereka (peneroka) di ladang manakala hanya 56 peratus kaum wanita terlibat secara tidak langsung dalam rancangan penanaman sawit.⁴⁶ Perkara ini sekali gus membuktikan bahawa perkembangan tanaman getah di Kedah menjelang tahun 1990 telah berjaya menggalakkan penglibatan orang Melayu bukan sahaja daripada kalangan peneroka yang lazimnya terdiri daripada kaum lelaki, bahkan turut melibatkan kaum wanita yang merupakan golongan isteri kepada peneroka.

Kerajaan Persekutuan juga mengiktiraf dan menghargai jasa para peneroka yang banyak memberi sumbangan dalam penghasilan hasil pertanian negara. Justeru, Jemaah Menteri memutuskan untuk mengadakan Sambutan Hari Peneroka pada 7 Julai setiap tahun yang bermula dari tahun 1977. Walau bagaimanapun, Sambutan Hari Peneroka pada tahun 1990 telah ditunda pada 13 Ogos 1990 disebabkan beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan dan majlis tersebut telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-4 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad. Berikut merupakan ucapan yang disampaikan oleh Perdana Menteri dalam majlis tersebut:

“...kerajaan telah menubuhkan Felda dan agensi-agensi lain bagi mengubah hutan rimba menjadi kawasan pertanian supaya dapat menempatkan beratus ribu rakyat miskin yang tidak bertanah. Malah, sebelum penubuhan Felda sistem pertanian adalah lebih sukar dan tidak ekonomik kerana rakyat terpaksa memajukan tanah secara primitif seperti menebang, menebas dan menanam secara persendirian.”⁴⁷

Meskipun ucapan Perdana Menteri kedengaran umum, namun pembangunan Felda di seluruh Malaysia termasuk di Kedah dalam tempoh yang dinyatakan dilihat telah bertambah baik berbanding sebelumnya. Ucapan yang disampaikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu jelas membuktikan bahawa kerajaan telah berusaha sehabis baik untuk memantapkan ekonomi golongan rakyat yang miskin terutamanya daripada kalangan orang Melayu dengan melibatkan diri dalam sektor pertanian terutamanya pertanian getah yang komersial. Justeru, jelaslah bahawa perkembangan tanaman getah di negeri Kedah pada tahun 1990 telah menggalakkan penglibatan orang Melayu yang didorong oleh peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri.

Kesimpulan

Konklusinya, hasil kajian ini mendapati pengeluaran getah di Kedah berkembang dengan pesat dari tahun 1970 sehingga tahun 1990 dan situasi ini dilihat sebagai satu kejayaan kepada negeri Kedah. Malah pihak berwajib telah berjaya menggalakkan penglibatan penduduk Kedah dalam tanaman getah sepanjang tempoh yang dikaji. Dari aspek yang lain, Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Persekutuan dilihat bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan penduduk Kedah melalui pelan dan perancangan berkala dalam memperkasakan sosioekonomi penduduk di negeri tersebut melalui industri getah. Ternyata KRC yang merupakan Taman Perindustrian Getah pertama di negeri ini dan juga di Malaysia yang giat diusahakan oleh pihak berwajib dilihat mempunyai kaitan dengan jelas dengan perkembangan pengeluaran getah Kedah pada masa lalu. Perkembangan pengeluaran getah di Kedah pada masa lalu menunjukkan Kedah mempunyai kelebihan dalam menjadi hab penyelidikan dan pengeluaran tanaman getah di Malaysia dan global. Sehubungan itu, adalah tidak menghairankan apabila Kedah dipilih untuk dibangunkan KRC pada masa kini ekoran kesiapsiagaan Kedah yang sekian lama menjadi negeri berasaskan pertanian.

Ekoran setelah sekian lama negeri Kedah menjadi negeri pengeluar utama makanan negara, maka adalah diharapkan agar Kerajaan Persekutuan terus memilih dan menjadikan Kedah sebagai hab penyelidikan dan pengeluaran tanaman getah sama ada pada peringkat lokal (Malaysia) mahupun peringkat global. Malah, adalah diharapkan juga Kerajaan Persekutuan dapat terus membantu Kerajaan Negeri dalam penyediaan latihan modal insan, kewangan, subsidi dan lain-lain bagi membalas jasa negeri ini yang dilihat sekian lama membantu seluruh Malaysia melalui aspek sekuriti makanan serta sumber air di wilayah utara. Meskipun penubuhan KRC akan terus meletakkan Kedah sebagai negeri yang bergantung terhadap pengeluaran pertanian, namun adalah diharapkan KRC akan juga dapat membantu meningkatkan potensi negeri Kedah ini pada masa hadapan melalui peningkatan hasil dalam negeri, pendapatan penduduk, gaya hidup, pembangunan dan lain-lain lagi.

Penghargaan

Penulis ingin memberikan penghargaan kepada Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia di atas sokongan dan dorongan dalam menjayakan penyelidikan ini.

Biodata

* **Nurul Husna Muhammad Yusoff** (husnayusoff998@gmail.com) merupakan penyelidik bebas yang beralamat No.39, Kampung Tok Besah, 06700, Pendang, Kedah.

** **Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli** (khairulanuarrosli@usm.my) merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

*** **Norasmahani Hussain** (norasmahani@usm.my) merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Received: 28 September 2022

Reviewed: 29 September 2022

Accepted: 7 Disember 2022

Nota

¹ Kedah Rubber City (KRC), 25 Mei 2020. <https://www.ncer.com.my/strategic-projects-programmes/thematic-industrial-parks/kedah-rubber-city-krc/>

² Teks Ucapan Sempena Majlis Perasmian Projek Strategik NCER – Kedah Rubber City (KRC), 20 Mei 2020. <https://www.pmo.gov.my/ms/2022/02/teks-ucapan-sempena-majlis-perasmian-projek-strategik-ncer-kedah-rubber-city-krc-2/>

³ Siti Nur Mas Erah Amran, 6 Februari 2020. *Kedah Rubber City dijangka tarik pelaburan RM10 bilion*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/02/653227/kedah-rubber-city-dijangka-tarik-pelaburan-rm10-bilion>

⁴ M. Hifzuddin Ikhsan dan Noorazura Abdul Rahman, 7 Februari 2022. *Perdana Menteri rasmi Kedah Rubber City*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/919769/perdana-menteri-rasmi-kedah-rubber-city>

⁵ Rozaini Ahmad dan Mohd Annas Shafiq Ayob, “Pelibatan Orang Cina dalam Sektor Perladangan Getah di Kedah 1909-1941”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 48, No. 1, 2021, hlm. 46-70.

⁶ J. H. Drabble, “Investment in the Rubber Industry in Malaya c. 1900-1922”, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 3, No. 2, 2011, hlm. 247-261.

⁷ Parameswari Krishnan, “Implikasi Pengambilan Todi Dalam Kalangan Masyarakat India ladang di Tanah Melayu, 1900-1957”, *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 23, No. 1, 2014, hlm. 45-71.

⁸ Shemala Mohan, *Buruh India di Kedah, 1909-1940: Cabaran dan Sumbangan Kepada Pembangunan Ekonomi Kedah*, Disertasi Sarjana, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2022.

⁹ Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor, “Sejarah Perkembangan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah sehingga Tahun 1957”, *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 26, No. 2, 2017, hlm. 24-37. Juga rujuk: Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor, “The 20th Century Domestic Water Supply In Alor Setar, Kedah”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, Vol. 46, No. 2, 2019, hlm. 240-271.

¹⁰ Jinel Noin, “Perkembangan Penanaman Getah di Sabah 1892-1941”, *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 19, No. 19, 2017, hlm. 48-77.

¹¹ Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor, “Pembangunan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah, 1957-1992”, *Kajian Malaysia*, Vol. 38, No. 1, 2020, hlm. 89-113.

¹² Rahman Md. Sail, *Ekonomi Pengeluaran Pekebun-Pekebun Getah di Daerah Baling, Kedah: Satu Kajian Kes ke atas Program-Program RISDA*, Tesis Ph.D, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 1998.

¹³ Laporan Tahunan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1988.

¹⁴ Zainol Eusof, “Pedogenetic Forms of Extractable Iron in Selected Soils of Kedah, Malaysia”, *Journal of The Rubber Research Institute of Malaysia (RRIM)*, Pusat Penyelidikan Getah Malaysia, Vol. 33, No. 3, 1985, hlm. 115-123.

¹⁵ Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, “Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah”, *International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 29, No. 2, 2011, hlm. 45-66.

¹⁶ Annual Report Statistics, Rubber Industry (Replanting) Board Fund ‘B’, Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, 1970.

- ¹⁷ Surat Persendirian Tuan Pengurus Estet Tat Seng Chan, 55, Jalan Market, Bedong Kedah, Jabatan Perangkaan Malaysia Kuala Lumpur, 1970.
- ¹⁸ Laporan Tahunan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1970.
- ¹⁹ S. V. Suppiah, *EEC Major Rubber Buyer*, New Nation Newspaper, 1972.
- ²⁰ Perusahaan Getah dan Masa Hadapannya, Kementerian Penerangan Malaysia, 1972, hlm. 2.
- ²¹ Laporan Tahunan Eksport Getah, Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Pelabuhan Klang, 1975.
- ²² Perusahaan Getah dan Masa Hadapannya, Kementerian Penerangan Malaysia, 1972, hlm. 1.
- ²³ Statistik Getah Rancangan-rancangan di Kedah, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Pejabat Wilayah Utara, 1973.
- ²⁴ Laporan Suku Tahun Kedua Pertanian Getah Felda Wilayah Utara, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, 1975.
- ²⁵ Laporan Tahunan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1976.
- ²⁶ S. V. Suppiah, "EEC Major Rubber Buyer", *New Nation Newspaper*, 1972.
- ²⁷ Laporan Tahunan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1980.
- ²⁸ Buku Maklumat Perangkaan Getah Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia Kuala Lumpur, 1981.
- ²⁹ Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah No. 5. T.H.1308-1313H/1890-1895M.
- ³⁰ Buku Maklumat Perangkaan Getah Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia Kuala Lumpur, 1981.
- ³¹ Zainol Eusof, "Pedogenetic Forms of Extractable Iron in Selected Soils of Kedah, Malaysia", hlm. 115-123.
- ³² Buku Maklumat Perangkaan Getah Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia Kuala Lumpur, 1985.
- ³³ Ibid.
- ³⁴ Laporan Tahunan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1988.
- ³⁵ Ahmad Fuad Morad, "Penambahan Pendapatan Melalui Peningkatan Pengeluaran Lateks (PENEROKA)", *Majalah Masyarakat Rancangan Felda*, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, 1990.
- ³⁶ Anggaran Penduduk-penduduk Menurut Negeri, Bangsa dan Jantina, Jabatan Perangkaan Malaysia, 1970.
- ³⁷ Income improvement Programs for Smallholders: A Report of a Travelling Seminar in Indonesia, Malaysia, and Thailand, May 12-27, 1973.
- ³⁸ Kajian Keberkesanan ke atas Usaha-usaha Kerajaan-Pekebun Kecil Getah, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 1979.
- ³⁹ Laporan Tahunan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1980.
- ⁴⁰ Ibid.
- ⁴¹ Berita Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1987.
- ⁴² Ibid.
- ⁴³ Ibrahim Ahmad, "Pembangunan Peneroka Felda, (PENEROKA)," *Majalah Masyarakat Rancangan Felda*, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, 1990.
- ⁴⁴ Ibid.
- ⁴⁵ Ibid.
- ⁴⁶ Ibid.
- ⁴⁷ Norzuki Hj. Mustafa, "Sambutan Hari Peneroka 1990 (PENEROKA)", *Majalah Masyarakat Rancangan Felda*, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, 1990.

Rujukan

Ahmad Fuad Morad, "Penambahan Pendapatan Melalui Peningkatan Pengeluaran Lateks (PENEROKA)", *Majalah Masyarakat Rancangan Felda*, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, 1990.

Annual Report Statistics, Rubber Industry (Replanting) Board Fund 'B', Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, 1970.

Buku Maklumat Perangkaan Getah Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia Kuala Lumpur, 1981.

Buku Maklumat Perangkaan Getah Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia Kuala Lumpur, 1985.

Berita Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1987.

Drabble, J. H., "Investment in the Rubber Industry in Malaya c. 1900-1922", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 3, No. 2, 2011, hlm. 247-261.

Ibrahim Ahmad, "Pembangunan Peneroka Felda, (PENEROKA)," *Majalah Masyarakat Rancangan Felda*, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, 1990.

Income improvement Programs for Smallholders: A Report of a Travelling Seminar in Indonesia, Malaysia, and Thailand, May 12-27, 1973.

Jinel Noin, "Perkembangan Penanaman Getah di Sabah 1892-1941", *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 19(19), 48-77, 2017.

Kajian Keberkesanan ke atas Usaha-usaha Kerajaan-Pekebun Kecil Getah, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 1979.

Kedah Rubber City (KRC), 25 Mei 2020. <https://www.ncer.com.my/strategic-projects-programmes/thematic-industrial-parks/kedah-rubber-city-krc/>

Laporan Suku Tahun Kedua Pertanian Getah Felda Wilayah Utara, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, 1975.

Laporan Tahunan Eksport Getah, Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Pelabuhan Klang, 1975.

Laporan Tahunan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1970.

Laporan Tahunan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1976.

Laporan Tahunan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1980.

Laporan Tahunan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 1988.

M. Hifzuddin Ikhsan dan Noorazura Abdul Rahman, 7 Februari 2022. *Perdana Menteri rasmi Kedah Rubber City*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/919769/perdana-menteri-rasmi-kedah-rubber-city>

Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor, "Sejarah Perkembangan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah sehingga Tahun 1957", *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 26, No. 2, 2017, hlm. 24-37.

Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor, "The 20th Century Domestic Water Supply In Alor Setar, Kedah", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, Vol. 46, No. 2, 2019, hlm. 240-271.

Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor, "Pembangunan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah, 1957-1992", *Kajian Malaysia*, Vol. 38, No. 1, 2020, hlm. 89-113.

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, “Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah”, *International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 29, No. 2, 2011, hlm. 45-66.

Norzuki Hj. Mustafa, “Sambutan Hari Peneroka 1990 (PENEROKA)”, *Majalah Masyarakat Rancangan Felda*, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, 1990.

Perusahaan Getah dan Masa Hadapannya, Kementerian Penerangan Malaysia, 1972.

Papers of Henry Nicholas Ridley, Director of Gardens and Forests, Straits Settlements, c 19th century-1956.

Parameswari Krishnan, “Implikasi Pengambilan Todi Dalam Kalangan Masyarakat India ladang di Tanah Melayu, 1900-1957”, *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 23, No. 1, 2014, hlm. 45-71.

Rahman Md. Sail, *Ekonomi Pengeluaran Pekebun-Pekebun Getah di Daerah Baling, Kedah: Satu Kajian Kes ke atas Program-Program RISDA*, Tesis Ph.D, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 1998.

Rozaini Ahmad & Mohd Annas Shafiq Ayob, “Penglibatan Orang Cina dalam Sektor Perladangan Getah di Kedah 1909-1941”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 48, No. 1, 2021, hlm, 46-70.

Suppiah, S. V., “EEC Major Rubber Buyer”, *New Nation Newspaper*, 1972.

Shemala Mohan, *Buruh India di Kedah, 1909-1940: Cabaran dan Sumbangan Kepada Pembangunan Ekonomi Kedah*. Disertasi Sarjana, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2022.

Siti Nur Mas Erah Amran, 6 Februari 2020. *Kedah Rubber City dijangka tarik pelaburan RM10 bilion*.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/02/653227/kedah-rubber-city-dijangka-tarik-pelaburan-rm10-bilion>

Statistik Getah Rancangan-rancangan di Kedah, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Pejabat Wilayah Utara, 1973.

Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah No. 5. T.H.1308-1313H/1890-1895M.

Surat Persendirian Tuan Pengurus Estet Tat Seng Chan, 55, Jalan Market, Bedong Kedah, Jabatan Perangkaan Malaysia Kuala Lumpur, 1970.

Teks Ucapan Sempena Majlis Perasmian Projek Strategik NCER – Kedah Rubber City (KRC), 20 Mei 2020.

<https://www.pmo.gov.my/ms/2022/02/teks-ucapan-sempe-na-majlis-perasmian-projek-strategik-ncer-kedah-rubber-city-krc-2/>

Zainol Eusof, “Pedogenetic Forms of Extractable Iron in Selected Soils of Kedah, Malaysia”, *Journal of The Rubber Research Institute of Malaysia (RRIM)*, Pusat Penyelidikan Getah Malaysia, Vol. 33, No. 3, 1985, hlm. 115-123.